

PANDUAN PENYEDIAAN TUGASAN

Tugasan perlu mengandungi perkara-perkara berikut :

Pengenalan - Definisi

Kajian

Hasil Kajian

Kesimpulan

Contoh Soalan Tugasan :

Budaya Organisasi dikatakan suatu faktor yang dapat menjayakan atau menggagalkan "SURVIVAL" sesebuah organisasi.

Pengenalan

Tugasan perlu dimulai dengan pengenalan tentang suatu tajuk. Ianya boleh dibuat melalui takrifan atau memberi definisi tentang perkara yang hendak dibincangkan terlebih dahulu supaya pembaca mendapat gambaran awal mengenai topik perbincangan.

Cth : Definisikan Budaya Organisasi

Apa yang dimaksudkan dengan Budaya Organisasi?

Ciri-ciri Budaya Organisasi – Positif (baik) dan Negatif (tidak baik)

Berikan contoh berkaitan

Kajian

Kajian boleh dilakukan dengan merujuk kepada kajian-kajian seumpama yang pernah dibuat sebelum ini. Sumber-sumber rujukan ini boleh diperolehi daripada buku-buku, jurnal, majalah atau akhbar. Bahan-bahan kajian berkaitan seperti graf, carta atau gambar juga boleh digunakan bagi menyokong sesuatu kenyataan. Para pelajar juga digalakkan memberi pendapat dan pemahaman sendiri mengenai topik yang dikaji.

Cth : Berikan contoh hasil dari kajian yang lalu (yang dilakukan orang lain) berkenaan topik yang serupa atau hampir serupa.- hubungan antara Budaya Organisasi dengan kejayaan atau kegagalan organisasi.

Kumpulkan maklumat yang diperlukan daripada buku-buku, majalah, akhbar atau jurnal berkaitan tajuk yang dibincangkan.

Daripada maklumat yang dikumpulkan, kenalpasti bagaimana unsur-unsur Budaya Organisasi memberi kesan terhadap kejayaan atau kegagalan organisasi. Berikan contoh.

HASIL KAJIAN

Nyatakan hasil kajian berdasarkan kepada maklumat yang dikumpul. Kaitkan antara teori yang dipelajari dengan situasi sebenar.

Apakah benar Budaya Organisasi suatu faktor yang menentukan kejayaan dan kegagalan sesebuah organisasi?

Ya atau Tidak

Berikan sebab-sebabnya – mesti disokong oleh kajian yang telah anda jalankan.

KESIMPULAN

Berikan kesimpulan daripada keseluruhan kajian dan berikan cadangan anda bagi pembentukan Budaya Organisasi yang lebih baik untuk meningkatkan kejayaan sesebuah organisasi.

Format menyediakan Tugas :

- i) Kertas
Gunakan kertas kualiti 'white-bond'
Saiz Kertas : A4 (210 mm x 297 mm)
Berat Kertas : 80 gms
- ii) Cara menaip
Teks hanya ditaip pada sebelah muka kertas sahaja.

Dakwat

Untuk Teks : riben berwarna hitam atau cartridge dakwat yang menghasilkan warna hitam yang seragam.

Untuk gambarajah, Jadual atau Carta : dakwat hitam atau berwarna.

Barisan

Untuk teks : selang dua baris

Untuk rujukan (rujuk vii), lampiran dan jadual : selang sebaris "**Font**" *Times New Roman*

Saiz: 12

- iii) Margin
Margin kiri : sekurang-kurangnya 4.0 cm (1.5")
Margin atas, bawah dan kanan : 2.5 cm (1.0")
- iv) Bahagian
Bahagian utama yang baru mesti dimulakan di muka surat baru.
Perenggan baru mesti dimulakan dengan satu 'tab' dari margin kiri.

- v) Pernomboran mukasurat
Mukasurat mesti dinomborkan di bahagian bawah tengah setiap muka.
- vi) Petikan, rujukan, lampiran dan jadual
- a) Dalam teks.
Jika petikan diambil dari bahan rujukan, rujukan tersebut hendaklah dinyatakan.
- Cth :
Stoner and Wankel define strategy as,
- “...the broad program for defining and achieving an organisation’s objectives; the organisation’s response to its environment over time.”
(Stoner and Wankel, 1986)
- b) Senarai Rujukan
Di akhir kertas projek, semua rujukan atau bibliografi mesti dinyatakan mengikut susunan abjad nama akhir penulis.
- Cth :
Buku:-
Nama penulis (Tahun penerbitan), Tajuk Buku, Tempat : Penerbit.
- Peters, T. J. and Waterman, R. H. (1982) *In Search of Excellence*, London: Harper & Row.
- Stoner, J. A. F. and Wankel , C. (1986), *Management* (3rd edition), Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Artikel dari Jurnal
Nama penulis (Tahun penerbitan), ‘Tajuk artikel’, Tajuk Jurnal, Jilid, no. m/s. (jika ada).
- cth:
Stacey, R. (1993) ‘Strategy as Order Emerging from Chaos’, *Long Range Planning*, vol. 26, no. 1, pp. 10-17.
- c) Sumber rujukan perlu dinyatakan (di bahagian bawah Jadual atau Lampiran) seperti dalam contoh (a). **Setiap Jadual dan Lampiran mesti mempunyai tajuk..**
- vii) Penjilidan tugas
Calon dikehendaki menjilid tugas sebelum diserahkan. 'Comb Binding' adalah digalakkan.